



## JURNAL LINGUISTIK Vol. 30 (1) Mei 2026 (165-178)

### Peranan Khalifah dalam Menjaga Kelestarian Alam: Analisis Menurut Perspektif Retorik Quran dan *Taswīr Fannī*

<sup>1</sup>Wan Azura Wan Ahmad & <sup>2</sup>Siti Salma Wahiduddin

<sup>1</sup> [wanzura@usim.edu.my](mailto:wanzura@usim.edu.my), & <sup>2</sup> [sitisalma@usim.edu.my](mailto:sitisalma@usim.edu.my)

<sup>1&2</sup> *Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia,  
Bandar Baru Nilai, Nilai, Negeri Sembilan*

Tarikh terima : 27 Mac 2026  
*Received*  
Terima untuk diterbitkan : 14 Mei 2026  
*Accepted*  
Tarikh terbit dalam talian : 31 Mei 2026  
*Published online*

#### Abstrak

Konsep manusia sebagai khalifah di muka bumi merupakan tema utama al-Quran yang menegaskan kedudukan istimewa manusia sebagai makhluk ciptaan Allah SWT. Amanah khalifah merangkumi aspek moral, sosial, dan ekologi; justeru, kajian ini menganalisis peranan khalifah dalam menjaga kelestarian alam melalui pendekatan retorik Quran dan *taswīr fannī*. Metodologi kajian adalah menggunakan pendekatan analisis kandungan tekstual terhadap ayat-ayat al-Quran yang terpilih dalam surah-surah pilihan iaitu al-Baqarah, al-A'raf, Hūd, al-Rahmān, al-An'ām, dan al-Qaṣaṣ, di samping rujukan silang terhadap tafsir klasik dan kontemporari serta literatur *balāghah* dan *taswīr fannī*. Dengan demikian, skop kajian merangkumi analisis konsep khalifah, larangan kerosakan, keseimbangan alam, penggunaan sumber, dan penghayatan *āyāt kawniyyah* melalui bingkai retorik dan estetika Quran. Dapatan menunjukkan bahawa retorik Quran seperti *amr* (perintah), *nahy* (larangan), *muqābalah* (pertentangan makna), dan *tikrār* (pengulangan) memperkukuh tanggungjawab moral terhadap alam, manakala *taswīr fannī* menghasilkan kesan visual dan emosional yang menghubungkan manusia dengan ciptaan Allah SWT. Ayat mengenai *mizan* menekankan keseimbangan kosmik, sementara ayat kerosakan darat dan laut mengingatkan akibat moral dan ekologi perbuatan manusia. Secara khususnya, tujuan kajian ini adalah untuk menjelaskan bagaimana gaya bahasa, penggambaran estetik, dan metafora Quran dapat membentuk kesedaran ekologi manusia, serta bagaimana konsep khalifah dijadikan panduan dalam membimbing tindakan lestari dalam konteks alam sekitar semasa. Kajian ini merumuskan bahawa penggabungan retorik dan *taswīr fannī* membentuk etika kelestarian Islam yang holistik, sekali gus menjadi asas kepada pendidikan alam sekitar, dasar pembangunan, dan tindakan pemeliharaan ekologi semasa.

**Kata kunci:** khalifah, kelestarian alam, retorik Quran, *taswīr fannī*, amanah

#### *The Role Of The Caliph In Preserving Environmental Sustainability: An Analysis From The Perspective Of Quranic Rhetoric And Taswīr Fannī*

#### Abstract

The concept of humankind as khalifah (caliph) on earth is a central theme in the Qur'an, affirming the special status of humans as creations of Allah SWT. The trust of khalifah encompasses moral, social, and ecological dimensions; therefore, this study analyzes the role of khalifah in safeguarding environmental sustainability through Qur'anic rhetoric and *taswīr fannī* (artistic imagery). The methodology adopts textual content analysis of selected Qur'anic verses from al-Baqarah, al-A'raf, Hūd, al-Rahmān, al-An'ām, and al-Qaṣaṣ, alongside cross-references to classical and contemporary tafsīr as well as literature on *balāghah* and *taswīr fannī*. Accordingly, the scope of the study covers the analysis of the khalifah concept, prohibition of corruption, cosmic balance, resource utilization, and the appreciation of *āyāt kawniyyah* through rhetorical and aesthetic

frameworks. Findings reveal that Qur'anic rhetorical devices such as *amr* (imperative), *nahy* (prohibition), *muqābalaḥ* (antithesis), and *tikrār* (repetition) strengthen moral responsibility towards nature, while *taswīr fannī* produces visual and emotional effects that connect humans with Allah's creation. Verses on *mizan* emphasize cosmic equilibrium, whereas verses on corruption of land and sea highlight the moral and ecological consequences of human actions. Specifically, the study aims to explain how Qur'anic language style, aesthetic imagery, and metaphors cultivate ecological awareness, and how the concept of *khalifah* serves as a guide for sustainable action in contemporary environmental contexts. The study concludes that the integration of rhetoric and *taswīr fannī* forms a holistic Islamic environmental ethic, which can serve as a foundation for environmental education, development policies, and ecological preservation efforts today.

**Keywords:** *caliph, environmental sustainability, Qur'anic rhetoric, taswīr fannī, responsibility*

## 1. Pengenalan

Konsep manusia sebagai khalifah di muka bumi merupakan antara tema utama dalam al-Quran yang mencerminkan kedudukan istimewa manusia sebagai makhluk ciptaan Allah SWT. Allah SWT mencipta manusia yang perlu menyeimbangkan peranannya sebagai hamba yang perlu tunduk dan menyerah diri kepada Allah, sekaligus sebagai khalifah yang diamanahkan untuk mentadbir alam ini dengan baik. Istilah khalifah berasal daripada akar kata Arab "*khalafa* (خَلَفَ)" yang membawa maksud menggantikan atau mewarisi (Ilyas, 2016). Dalam konteks al-Quran, manusia dilantik sebagai wakil Allah SWT di bumi untuk melaksanakan tanggungjawab memakmurkan alam dengan berpandukan syariat dan nilai-nilai ketuhanan (al-Attas, 1990; Mohd. Farid Mohd. Shahrān, 2021). Peranan khalifah bukan sekadar simbolik, tetapi merangkumi tanggungjawab moral, sosial, dan ekologi. Al-Quran menekankan bahawa manusia diciptakan dengan keistimewaan akal dan diberi kebebasan memilih, namun tetap terikat dengan amanah Ilahi sebagaimana firman Allah SWT:

(وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالُوا إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ)

Maksudnya: *Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya". (al-Baqarah 2:30)*

Amanah ini menuntut manusia untuk berlaku adil, menjaga keseimbangan alam, serta mengelakkan kerosakan (*fasād*) di muka bumi sebagaimana Allah SWT berfirman:

(وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ)

Maksudnya: *Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya, dan berdoalah kepadaNya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharapkan (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya. (al-A'raf 7:56)*

Dalam menyampaikan mesej ini, al-Quran menggunakan pelbagai gaya bahasa yang indah dan berkesan, termasuk teknik retorik seperti pengulangan, metafora, dan kontras, serta *taswīr fannī* iaitu gambaran seni yang membangkitkan imaginasi dan emosi pembaca (Wahiduddin et al., 2023). Analisis terhadap gaya bahasa ini amat penting bagi mendalami dan menghayati mesej yang disampaikan dalam al-Quran, seterusnya menyumbang kepada pembentukan kesedaran dan tanggungjawab manusia sebagai khalifah.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis konsep khalifah dalam al-Quran melalui pendekatan retorik dan *taswīr fannī* melalui penelitian terhadap beberapa ayat utama yang berkaitan.

Pendekatan ini diharap dapat memberi pemahaman yang lebih mendalam terhadap peranan manusia sebagai khalifah serta menyumbang kepada wacana kontemporari mengenai tanggungjawab manusia terhadap alam sekitar dan masyarakat.

### 1.1 Pernyataan masalah

Krisis ekologi global seperti perubahan iklim, kepupusan biodiversiti, pencemaran sungai, dan eksploitasi sumber alam secara tidak terkawal menunjukkan bahawa manusia telah gagal melaksanakan peranan sebagai penjaga bumi secara beretika (Hashim & Abdullah, 2020; Azahar & Yaakob, 2025). Dalam konteks wacana Islam, al-Quran menetapkan manusia sebagai khalifah dengan amanah menjaga keseimbangan bumi melalui prinsip *islāh* (pemulihan) dan penghindaran *fasād* (kerusakan) (Qur'an 2:30; 7:56).

Walaupun terdapat pelbagai kajian berkait konsep khalifah, namun kajian yang meneliti aspek linguistik dan estetik dalam penyampaian konsep khalifah masih terhad. Kajian interdisiplin yang melibatkan bidang ekologi dan linguistik atau dinamakan sebagai ekolinguistik ini menunjukkan bahawa wujudnya hubungan langsung antara bahasa dan ekologi, yang mana keterkaitan ini amat penting bagi menyumbang kepada kelestarian alam sekitar (Jaafar & Jaludin, 2022). Kebanyakan kajian yang terdapat pada hari ini lebih menumpukan aspek normatif dan hukum, manakala dimensi retorik Quran (*balāghah*) seperti penggunaan gaya bahasa *amr* (perintah), *nahy* (larangan), *muqābalah* (pertentangan makna), dan *tikrār* (pengulangan) serta unsur *taswīr fannī* (pencitraan estetik puitis) bagi menghasilkan suatu kerangka dalam memahami etika kelestarian alam masih kurang dianalisis secara sistematik. Kelemahan ini menyebabkan kefahaman tentang peranan khalifah sering bersifat abstrak dan tidak diterjemahkan kepada prinsip ekologi yang konkrit. Tambahan pula, walaupun tokoh-tokoh tafsir klasik seperti al-Ṭabarī (1988), al-Qurṭubī (2006), dan al-Rāzī (1999) telah menghuraikan maksud *khalīfah*, *mīzān*, dan *fasād*, namun analisis mereka belum disintesis secara menyeluruh dengan kaedah analisis retorik moden dan pendekatan estetik al-Quran.

Dalam menyampaikan mesej kepada manusia, al-Quran bukan sahaja menyampaikan mesej secara literal, namun turut menggunakan pelbagai teknik retorik dan *taswīr fannī* untuk memberi panduan kepada manusia khususnya berkaitan penjagaan alam sekitar dengan gaya bahasa yang menarik dan mengesankan. Penggunaan retorik menjadi suatu keperluan kerana ia merupakan alat komunikasi yang penting untuk mempengaruhi khalayak melalui seni yang mempesonakan dan hujah yang mengesankan (Yaakob et al., 2018). Al-Quran dengan mukjizatnya yang agung, sarat dengan pelbagai elemen keindahan bahasa dan retorik yang mengukuhkan mesej yang disampaikan (Mohd Saad et al., 2017). Sehubungan itu, kajian ini berhasrat untuk mengisi kelompongan dalam literatur sedia ada dengan meneliti bagaimana al-Quran menggunakan retorik dan *taswīr fannī* dalam mengungkapkan konsep khalifah, serta bagaimana pendekatan ini dapat memperkaya pemahaman terhadap peranan manusia dalam perspektif Islam.

Jelaslah bahawa terdapat keperluan mendesak untuk mengkaji semula teks-teks Quran melalui lensa retorik dan *taswīr fannī* bagi memperjelas bagaimana al-Quran membina kesedaran ekologi, menstrukturkan etika alam sekitar, serta merumuskan semula peranan manusia sebagai pengurus berakauntabiliti terhadap keseimbangan kosmik. Pengkaji juga berharap agar kajian ini dapat menyumbang ke arah mencari solusi yang tuntas dalam persoalan mencari kerangka falsafah berkait hubungan sains dan agama (Mohamad Nasrin Mohamad Nasir & Malki Ahmad Nasir, 2016), seterusnya menggerakkan bidang penyelidikan, lantas mempercepatkan perkembangan dan kemajuan ke arah mencapai kemakmuran alam yang didambakan.

## 1.2 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis bagaimana al-Quran membina konsep kelestarian alam melalui pendekatan retorik (*balāghah*) dan *taswīr fannī* melalui penelitian terhadap ayat-ayat yang berkaitan dengan peranan manusia sebagai khalifah. Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk:

1. Meneliti penggunaan elemen retorik dalam ayat-ayat terpilih yang membicarakan kekhalifahan dan kelestarian alam.
2. Menganalisis elemen *taswīr fannī* yang digunakan untuk membina kesedaran ekologi dalam ayat-ayat berkenaan.
3. Merumuskan peranan khalifah dalam penjagaan kelestarian alam menurut kerangka retorik Quran dan *taswīr fannī*.

## 2. Sorotan Literatur

Konsep khalifah telah menjadi topik penting dalam wacana keilmuan Islam sejak zaman awal lagi. Para mufassir klasik seperti al-Tabari (1988) mentafsirkan ayat 30 Surah al-Baqarah sebagai pelantikan manusia untuk menggantikan generasi terdahulu dalam memakmurkan bumi dengan keadilan dan ketaatan kepada Allah SWT. Al-Qurtubi (2006) pula menekankan bahawa pelantikan manusia sebagai khalifah adalah satu bentuk penghormatan dan tanggungjawab besar yang memerlukan pelaksanaan hukum Allah secara menyeluruh. Jelas bahawa tafsir klasik menekankan bahawa ayat 30 Surah al-Baqarah menuntut manusia sebagai khalifah yang bermaksud pengganti, diberi kuasa untuk membawa amanah kepimpinan dan turut bertanggungjawab menjaga keseimbangan alam (Hasibuan, 2021).

Kajian kontemporari pula menunjukkan fleksibiliti konsep khalifah. Para pengkaji seperti Izutsu (1964) melihat konsep khalifah sebagai asas kepada etika alam sekitar dan tanggungjawab sosial manusia, manakala Mardalena et al. (2021) menekankan aspek spiritual dan sosial sebagai asas tanggungjawab khalifah. Mereka menegaskan bahawa manusia bukan pemilik mutlak bumi, tetapi pemegang amanah yang perlu menjaga keseimbangan dan keharmonian ciptaan. Pendekatan ini memperluas pemahaman terhadap khalifah daripada sekadar peranan politik atau pentadbiran kepada satu kerangka etika universal. Al-Quran memberi panduan yang jelas tentang penjagaan alam sekitar dengan menekankan hubungan iman dan akal dalam mengurus sumber alam (Abdul Halim & Mat Akhir, 2016). Al-Quran juga kerap kali menekankan kepentingan keseimbangan alam sekitar serta menyanjung manusia yang menguruskan sumber alam dengan beretika (Muhamad et al. 2019). Kajian telah juga turut dilakukan oleh Surtahman dan Mohamad Rohana (2022) bagi meneliti secara khusus etika khalifah dalam pengurusan laut dan tanggungjawab menjaga ekosistem laut manakala Salwa Hasibuan et al. (2024) mengaitkan konsep khalifah dengan tujuan pendidikan Islam di era *Society 5.0*, sementara Kholil (2026) menekankan ayat ekologis sebagai asas kosmologi baru yang mengintegrasikan nilai spiritual untuk kelestarian manusia dan alam.

Dalam proses memahami al-Quran dengan lebih mendalam, Al-Zamakhshari (2009) dalam tafsir *al-Kashshāf* menekankan aspek kepentingan gaya bahasa dan susunan kata sesuatu ayat. Sesungguhnya keindahan bahasa al-Quran memainkan peranan penting dalam menyampaikan nilai-nilai spiritual dan moral (Abdel Haleem, 2004). Dalam konteks khalifah, manusia digambarkan dengan potensi akal, hati, dan kebebasan memilih sebagai unsur seni yang mendidik emosi pembaca. Gambaran estetik ini memperlihatkan keagungan ciptaan Allah SWT dan menekankan kedudukan mulia manusia sebagai wakil-Nya. Keindahan retorik Quran yang menggunakan gaya bahasa persuasif iaitu dengan menggabungkan janji dan ancaman semakin bertambahindahannya dengan gambaran seni yang menghidupkan imej imaginatif yang mendalam (Qutb, 2004a). Keindahan gaya bahasa al-Quran ini berfungsi sebagai mekanisme pendidikan rohani dan sosial yang membentuk kesedaran manusia terhadap tanggungjawabnya sebagai khalifah yang menghubungkan ibadah dengan pengurusan dunia.

### 3. Metodologi Kajian


#### 3.1 Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis kandungan terhadap ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan konsep khalifah. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan pengkaji meneliti secara mendalam aspek linguistik dan estetik dalam teks al-Quran, khususnya dari sudut retorik dan *taswīr fannī*. Analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti tema, gaya bahasa, dan gambaran seni yang digunakan dalam menyampaikan mesej ketuhanan berkaitan peranan manusia sebagai khalifah.

Kajian ini dibatasi oleh tiga aspek utama. Pertama, analisis hanya tertumpu pada ayat-ayat al-Quran yang secara langsung berkaitan dengan konsep kekhalifahan dan prinsip kelestarian. Pemilihan ayat dilakukan secara purposif berdasarkan rujukan kepada karya tafsir utama seperti *Jāmi' al-Bayān* oleh al-Ṭabarī, *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān* oleh al-Qurṭubī, dan *al-Kashshāf* oleh al-Zamakhsharī. Ayat-ayat yang dianalisis adalah al-Baqarah (2:30), al-A'rāf (7:56), Hūd (11:61), al-Rahmān (55:7–9), al-An'ām (6:165), dan al-Qaṣaṣ (28:77) yang secara langsung atau tidak langsung membincangkan konsep khalifah, amanah, dan tanggungjawab manusia terhadap bumi tanpa memperluas kepada keseluruhan ayat bertema kosmologi atau penciptaan. Kedua, kerangka tafsir yang digunakan berfokus kepada tafsir *turath* terpilih seperti al-Ṭabarī, al-Qurṭubī, al-Rāzī dan Ibn Kathīr, manakala tafsir kontemporari seperti *Fi Zilal al-Quran* oleh Qutb (2004b). Ketiga, pendekatan retorik dan *taswīr fannī* yang digunakan hanya melibatkan elemen utama, tidak termasuk seluruh disiplin balāghah seperti *jinās*, *tibāq*, atau *i'jāz bayānī* bagi memastikan analisis tetap berfokus dan terarah. Rajah 1 merumuskan tiga aspek yang menjadi batasan kajian ini:

#### Rajah 1

Rumusan 3 Aspek Batasan Kajian



#### 3.2 Kerangka Teori Kajian

Dalam proses menganalisis ayat-ayat tersebut, pengkaji menggunakan kerangka analisis retorik yang berasaskan dua kerangka teori utama. Pertama, kerangka retorik Quran (balāghah), melalui teori *an-nazm* oleh al-Jurjani yang merangkumi alat seperti *amr*, *nahy*, *iltifāt*, *muqābalah*, dan *tikrār*, yang dalam wacana klasik dibincangkan oleh ulama tafsir seperti al-Rāzī dan al-Qurṭubī. Elemen retorik ini membentuk struktur makna yang menggambarkan kewajiban menjaga keseimbangan (*mīzān*), menghindari kerosakan (*fasād*), dan melaksanakan pemakmuran beretika (*isti'mār*). Kedua, kerangka *taswīr fannī*, iaitu pencitraan puitis al-Quran yang membina kesedaran melalui gambaran dramatik dialog (2:30), personifikasi alam sebagai timbangan halus (55:7–9), dan metafora bumi sebagai ruang pemulihan (7:56) oleh Qutb (2004a, 2004b) yang merupakan pelopor bagi teori *taswīr fannī* (Wahiduddin & Wan Ahmad, 2025a). Dua kerangka ini digunakan serentak untuk mengungkap makna penjagaan dan kelestarian alam sekitar yang disampaikan bukan hanya melalui kandungan normatif tetapi juga melalui estetika bahasa.

Dapatan daripada analisis ini kemudiannya ditafsirkan dalam kerangka retorik Qurani dan *taswīr fannī*, dengan tujuan untuk memahami bagaimana gaya penyampaian al-Quran memperkukuh mesej tentang tanggungjawab manusia sebagai wakil Allah di muka bumi dalam menjaga kelestarian alam. Justeru, kajian ini penting atas tiga asas utama. Pertama, dari sudut teori, ia menyumbang kepada


pengembangan literatur ekoteologi Islam dengan memperkenalkan pendekatan analisis retorik dan estetik al-Quran, suatu perspektif yang kurang diberi perhatian berbanding pendekatan fiqh dan tafsir literal. Kedua, dari sudut metodologi, kajian ini memperkayakan wacana analisis teks al-Quran dengan memadukan balāghah dan *taswīr fannī*, sekali gus membuka ruang baharu untuk memahami bagaimana al-Quran membina kesedaran ekologi melalui estetika bahasa, bukan hanya perintah normatif. Ketiga, dari sudut aplikasi, kajian ini memberikan asas kukuh untuk merangka dasar, kurikulum pendidikan, dan program pemerksaan masyarakat berasaskan nilai-nilai kelestarian yang terkandung dalam konsep kekhalifahan, khususnya berkait isu-isu kontemporari seperti pencemaran, perubahan iklim, dan perlindungan biodiversiti. Dengan itu, kajian ini menyumbang bukan sahaja pada keilmuan, tetapi juga pada pembentukan dasar pembangunan mampan berasaskan panduan al-Quran.

#### 4. Hasil Perbincangan dan Dapatan Kajian

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kerangka etika kelestarian alam melalui gabungan elemen retorik dan *taswīr fannī* dalam al-Quran berfungsi menyampaikan mesej ekologi secara mendalam dan berkesan. Analisis retorik mendapati bahawa elemen-elemen seperti *amr* (perintah), *nahy* (larangan) dan *muqābalah* (antitesis) memainkan peranan penting dalam menegaskan konsep tanggungjawab manusia sebagai khalifah manakala integrasi antara elemen retorik dan *taswīr fannī* yang terdapat dalam al-Quran membuktikan bahawa al-Quran telah menyediakan kerangka kelestarian alam yang komprehensif. Selain itu, gabungan seni retorik dan *taswīr fannī* seperti antitesis dan rima dalam gaya bahasa al-Quran dapat ditemui dalam ayat-ayat al-Quran menjadikan bukan sahaja keindahan bahasa al-Quran dan gaya bahasanya terserlah, malah turut memacu kepada makna yang lebih mendalam. Antara bentuk penggambaran yang terdapat dalam gaya bahasa al-Quran ialah apa yang boleh kita namakan sebagai ‘personifikasi’, iaitu cara yang mengangkat kehidupan benda-benda yang beku dan tidak bernyawa kepada kehidupan manusia yang mempunyai perasaan kemanusiaan (Wan Ahmad et al., 2018). Hal ini akan menjadikan sesuatu gambaran menjadi lebih jelas, hidup serta dekat dengan pembaca. Rajah 2 merumuskan kerangka etika kelestarian alam melalui gabungan elemen retorik dan *taswīr fannī* yang terdapat dalam ayat-ayat pilihan:

#### Rajah 2

*Kerangka Model KHALIFA (Kerangka Holistik Amanah Lestari Insan Fi ‘Imārat al-‘Ālam)*



Kajian ini sekali gus menutup jurang dalam literatur terdahulu yang cenderung membincangkan konsep kekhalifahan dengan hanya menekankan dimensi hukum semata-mata, tanpa melibatkan analisis retorik dan pencitraan puitis al-Quran. Melalui sintesis tafsiran turath dan pendekatan linguistik moden, kajian ini menunjukkan bahawa al-Quran secara konsisten menampilkan manusia sebagai agen moral yang bertanggungjawab memastikan keseimbangan dan pemuliharaan bumi sebagai sebahagian daripada tuntutan kekhalifahan.

Bagi membincangkan secara lebih jelas konsep ini, kajian ini menyorot peranan khalifah dalam menjaga kelestarian menurut perspektif gaya bahasa al-Quran seperti berikut:

## Peranan Khalifah dalam Menjaga Kelestarian Alam: Analisis Menurut Perspektif Retorik Quran dan *Taswīr Fannī*

### 1. Konsep *khalīfah*

Konsep *khalīfah* dalam al-Quran menempatkan manusia sebagai pemegang amanah kosmik yang bertanggungjawab terhadap pengurusan yang adil dan beretika ke atas alam. Ayat asas al-Baqarah 2:30 menampilkan pelantikan manusia sebagai *khalīfah*, dibingkaikan melalui *taswīr al-hiwār* (pencitraan dialog) antara Allah SWT dan para malaikat, yang menonjolkan ketegangan dramatik tentang potensi “*fasād*” (kerosakan) dan “*safk aldimā*” (pertumpahan darah) sebagaimana firman Allah SWT:

﴿وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالُوا إِنَّا نَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ﴾

Maksudnya: *Dan (ingatlah) ketika TuhanMu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya". (al-Baqarah 2:30)*

Ketegangan dalam *taswīr al-hiwār* (pencitraan dialog) antara Allah SWT dan para malaikat jelas tergambar apabila para malaikat mempersoalkan tindakan Allah SWT dalam mengangkat kedudukan manusia sebagai khalifah yang akan memakmurkan bumi (Qutb, 2004b). Namun sebenarnya penggunaan *istifhām taqriri* (soalan yang digunakan untuk menegaskan sesuatu kenyataan) dalam ayat tidaklah bermaksud para malaikat membantah penciptaan manusia atau berasa iri dengan kejadian manusia, tetapi pertanyaan ini adalah sebagai isyarat untuk mendapatkan pengesahan atau perakuan serta mengetahui hikmah di sebalik ketetapan Allah dalam mencipta manusia (Ibn Kathir, 1999).

Struktur dialog ini memperlihatkan bahawa kekuasaan manusia bukanlah suatu dominasi mutlak, sebaliknya ia adalah amanah yang dipertanggungjawabkan dan tertakluk kepada nilai-nilai Ilahi serta tuntutan ilmu, keadilan, dan tadbir (al-Ṭabarī, 1988; Ibn Kathīr, 1999; al-Rāzī, 1999). Tafsiran turath menegaskan bahawa mandat kekhalifahan bersifat normatif: ia menuntut pentadbiran yang menjaga keseimbangan ciptaan dan menghindari kebinasaan, bukan sekadar keabsahan teologis (al-Ṭabarī, 1988; al-Rāzī, 1999). *Taswīr al-hiwār* dalam ayat ini juga memperlihatkan dimensi dramatik yang menekankan beratnya amanah kekhalifahan; hal ini disahkan oleh al-Ṭabarī (1988) yang menekankan signifikasi dialog tersebut sebagai simbol ujian moral manusia. Dapatan ini membuktikan bahawa *taswīr* bukan sekadar elemen estetika, tetapi berfungsi sebagai strategi kesedaran untuk membina hubungan empati antara manusia dan sekitarnya.

### 2. Larangan ekologi yang tegas dan suruhan yang memotivasikan

Larangan ekologi yang tegas terkandung dalam firman Allah Taala:

﴿وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا﴾

Maksudnya: *Dan janganlah kamu berbuat kerusakan di bumi sesudah Allah SWT menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya.* (al-A'raf 7:56)

Ayat ini memperlihatkan bentuk larangan yang tegas (*nahy sharīh*) terhadap kerusakan alam, suatu tema yang dihuraikan secara konsisten oleh al-Qurtubī (2006) dan Ibn Kathīr (1999) sebagai larangan yang merangkumi kerusakan fizikal, moral, dan sosial. Dari sudut retorik, bentuk *nahy sharīh* (larangan eksplisit) yang ditujukan secara kolektif dan *muqābalah* (antitesis) antara *islāh* (pemulihan) dan *fasād* (kerusakan) meluaskan skop larangan daripada kerusakan fizikal kepada sesuatu yang tidak berfungsi moral dan sosial, kerana bumi telah ditata rapi oleh Sunnatullah; pelanggaran terhadapnya menandakan pembelotan terhadap aturan Ilahi (Ibn Kathīr, 1999; al-Qurtubī, 2006). Penggunaan kata larangan dengan perkataan (لَا تَفْعَلْ) membawa makna larangan yang jelas (haram) melakukannya (As-Suyuti, 2008) manakala penggunaan antitesis (*muqābalah*) antara pemulihan (*islāh*) dan kerusakan (*fasād*) mengukuhkan pemisahan semantik antara pembangunan beretika dan kerusakan sistemik, sekali gus menegaskan prinsip kelestarian sebagai norma syarak.

Dari perspektif *taswīr fannī*, bumi divisualkan sebagai ruang yang stabil dan “diperbaiki”, menjadikan tindakan merosak sebagai sebuah kelakuan yang bukan sahaja tidak beretika, tetapi menentang norma alam. Oleh itu, manusia disarankan mengukuhkan prinsip anti-pencemaran, penggondolan hutan, dan pemulihan ekosistem sebagai tuntutan syarak yang sah (Ibn Kathīr, 1999; al-Qurtubī, 2006). Penggunaan perkataan *islāh pula* menggambarkan makna keseimbangan. Justeru, larangan melakukan kerusakan ini adalah kerana ia mengakibatkan ketidakseimbangan yang menggugat rantaian ekologi dan kestabilan alam sekitar seterusnya memberi kesan kemusnahan di darat mahupun di laut.

Selanjutnya, ayat berbentuk larangan secara kolektif diikuti pula dengan kata suruhan (*amr*) yang juga ditujukan secara kolektif melalui firman Allah (وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا) yang bermaksud “dan berdoalah kepadaNya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharap (supaya doa diterima)”. Gambaran emosi yang berlawanan ketika berdoa mengharap rahmat Allah pada penggunaan خَوْفًا iaitu perasaan bimbang jika doa yang dihajatkan tidak diterima namun dalam masa yang sama perlu juga menghadirkan perasaan طَمَعًا iaitu bersungguh-sungguh mengharap doa dimakbulkan. Kombinasi emosi yang menggetarkan ketika berdoa iaitu takut akan kemurkaan dan hukuman Allah serta tamak kepada keredhaan dan ganjaranNya juga jelas menambahkan ketinggian makna ayat dan menghidupkan jiwa seorang hamba yang mengharap redhaNya (Qutb, 2004b), malah penggunaan kombinasi emosi yang berlawanan iaitu خَوْفًا وَطَمَعًا ini begitu istimewa kerana di dalamnya terdapat 3 aspek sekali gus iaitu keadaan, sebab dan kesungguhan ketika berdoa (As-Samarraie, 2000).

Pengkaji turut mendapati bahawa elemen keindahan ayat semakin bertambah apabila diakhiri dengan motivasi Rabbani melalui lafaz (إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ) yang bermaksud: “*Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya*” sebagai jaminan yang pasti bagi memujuk dan memotivasikan khalifah ini agar tetap teguh melaksanakan larangan dan suruhan Allah dalam usahanya menjalankan tanggungjawab menjaga kelestarian alam.

### 3. Gabungan ontologi (hakikat kewujudan) manusia dan ekologi (hubungan dengan alam sekitar)

Konsep *isti'mār* dalam Qur'an memberikan asas epistemologi bagi prinsip pembangunan mapan dalam Islam sebagaimana firman Allah:

(وَالِىٰ تَمُودَ أَخَاهُمْ صَالِحًا قَالَ يَا قَوْمِ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنِّ إِلَهٍ غَيْرُهُ هُوَ أَنشَأَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَاسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا فَاسْتَعْرِضُوهُ ثُمَّ تَوَلَّوْا إِلَيْهِ ۚ  
إِنَّ رَبِّي قَرِيبٌ مُّجِيبٌ)

Maksudnya: *Dan kepada kaum Thamud, kami utuskan saudara mereka: Nabi Soleh. Ia berkata: "Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah! Sebenarnya tiada Tuhan bagi kamu selain daripadanya. Dia yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya. Oleh itu mintalah ampun kepada Allah dari perbuatan syirik, kemudian kembalilah kepadaNya dengan taat dan tauhid. Sesungguhnya Tuhanku sentiasa dekat, lagi sentiasa memperkenankan permohonan hambaNya."* (Hūd 11:61)

Para mufassir seperti al-Ṭabarī (1988) dan Ibn Kathīr (1999) menjelaskan bahawa *ista‘marakum* bermaksud manusia diminta memakmurkan bumi dengan membawa manfaat tanpa merosakkan alam. Ayat ini menunjukkan hubungan antara peranan manusia dan penjagaan alam sekitar. Dari sudut bahasa, persamaan bunyi antara *ansha‘akum* dan *ista‘marakum* memberi isyarat bahawa asal-usul manusia berkait rapat dengan tanggungjawab memakmurkan bumi. Perkataan *isti‘mār* pula difahami oleh para ulama sebagai pembangunan yang beretika, iaitu memakmurkan bumi tanpa melampaui batas (al-Ṭabarī, 1988; al-Rāzī, 1999). Hal ini selari dengan prinsip pembangunan mapan dalam kerangka maqāsid, iaitu penggunaan sumber secara adil, seimbang, dan bertanggungjawab terhadap generasi akan datang.

Dari sudut estetika (*taswīr*) pula, ayat tersebut menggambarkan manusia bukan pemilik mutlak yang mendominasi sumber bumi tanpa had, malah kejadian manusia itu sendiri daripada sebahagian komponen bumi, yang memerlukan empati ekologi dan disiplin moral dalam tindakan (Ibn Kathīr, 1999; al-Rāzī, 1999). Walaupun manusia merupakan sebahagian daripada bumi dan mendapat sumber makanan yang juga memanfaatkan hasil bumi, namun Allah mempertanggungjawabkan kepada manusia untuk memakmurkan bumi ini dengan tetap mentauhidkan Allah dan mengambil iktibar dari kemusnahan kaum terdahulu yang bersikap engkar (Qutb, 2004b).

Justeru, manusia yang dilantik Allah sebagai khalifah di muka bumi ini tidak sesekali dihalang untuk membina ketamadunan, peradaban dan kemajuan malah memakmurkan bumi merupakan salah satu tuntutan Allah. Namun, dalam kerancangan membina kemedanan, ia mestilah dalam kerangka keadilan dan kecekapan tadbir urus, nilai sosial yang perlu dijaga bermula dari unit kecil iaitu keluarga, kejiranan hingga komuniti global di samping pengukuhan penguatkuasaan bagi mengawal salah laku seperti kekurangan bekalan air bersih dan pencemaran alam yang mengakibatkan kesan jangka panjang bukan sahaja memudaratkan alam sekitar malah meninggalkan impak negatif kepada generasi mendatang (Saiman, 2024).

Antara contoh lain yang jelas mengungkapkan betapa Allah SWT menghendaki khalifahNya agar menguruskan sumber alam dengan sebaiknya bagi menjaga keseimbangan ekosistem alam adalah seperti gambaran sistem agrikultur yang begitu teratur dan efisien yang terungkap dalam Surah al-Kahfi 18: 32-34. Gambaran dari aspek kepelbagaian jenis tumbuh-tumbuhannya sehingga bentuk saluran pengairannya turut dijelaskan buat panduan bagi yang berfikir akan ayat-ayatNya (Wahiduddin & Wan Ahmad, 2025b).

#### 4. Kerangka keseimbangan kosmik

Kerangka keseimbangan kosmik yang digambarkan dalam surah al-Rahmān menegaskan konsep *al-mīzān* (timbangan/keseimbangan) melalui *tikrār* (pengulangan retorik) sebagaimana firman Allah SWT:

(وَالسَّمَاءَ رَفَعَهَا وَوَضَعَ الْمِيزَانَ (7) أَلَّا تَطْغَوْا فِي الْمِيزَانِ (8)  
وَأَقِيمُوا الْوَزْنَ بِالْقِسْطِ وَلَا تُخْسِرُوا الْمِيزَانَ (9))

Maksudnya: *Dan langit dijadikannya (bumbung) tinggi, serta Dia mengadakan undang-undang dan peraturan neraca keadilan. Supaya kamu tidak melampaui batas dalam menjalankan keadilan; Dan betulkanlah cara menimbang itu dengan adil, serta janganlah kamu mengurangi barang yang ditimbang.* (al-Rahmān 55: 7-9)

Pengulangan istilah *mīzān* menghasilkan ritma puitis yang meneguhkan tema keseimbangan, sementara bentuk *amr* dan *nahy* (*aqīmū/ lā tukhshirū*) mengikat manusia kepada piawai keadilan dalam tindakan (al-Qurṭubī, 2006; Ibn Kathīr, 1999). Walaupun istilah *mīzān* diulang dalam tiga ayat yang berturutan, namun setiap pengulangan membawa penekanan yang berbeza. *Al-mīzān* dalam ayat 7 merujuk kepada keseimbangan alam secara fizik manakala ayat 8 merujuk kepada larangan Allah kepada manusia agar tidak melampau batas dan keperluan kepada bersikap adil terhadap persekitaran. Manakala ayat 9, merujuk kepada tuntutan Allah kepada manusia agar melaksanakan sukatan dan timbangan dengan jujur (Khafaji, 2018). Justeru, keseimbangan alam yang telah diatur Allah SWT

dengan segala kebaikan dan kebijaksanaanNya perlulah dijaga dengan sebaiknya oleh manusia selaku khalifah dengan memenuhi segala syarat dan tuntutanNya.

Selain itu, fokus ayat terhadap وَالسَّمَاءِ رَفَعَهَا menyetak hati manusia agar tidak lalai dari melihat dan memikirkan kesempurnaan penciptaan langit dan sistem cakerawala yang tidak sesekali bertembung antara satu sama lain walaupun mengandungi berjuta-juta bintang dan planet yang beredar di atas orbit atau paksi masing-masing (Qutb, 2004b). *Taswīr* yang mempersonifikasikan alam sebagai “timbangan halus” memberi isyarat bahawa sistem planet memiliki keterbatasannya yang tersendiri. Gambaran alam sebagai sistem timbangan halus yang perlu dipelihara daripada ketidakseimbangan, suatu interpretasi yang turut ditekankan oleh al-Rāzī (1999) sebagai gambaran metafizik tentang keadilan dan keseimbangan kosmik. Pelanggaran terhadapnya merupakan suatu pelampauan (*tughyān*) yang membawa kerosakan dan kemusnahan. Secara praktikal, ayat ini menyediakan bahasa normatif untuk “had penggunaan sumber” seperti perlindungan biodiversiti dan keseimbangan ekologi dengan matlamat mengekalkan *mīzān* (al-Qurṭubī, 2006; al-Rāzī, 1999).

##### 5. Dimensi ujian dan akauntabiliti kekhalifahan

Dimensi ujian dan akauntabiliti kekhalifahan dipertegaskan dalam penutup surah al-An‘ām, firman Allah SWT:

{وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِّيُبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ ۗ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ}

Maksudnya: *Dan Dia lah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan sesetengah kamu atas sesetengahnya yang lain beberapa darjat, kerana Ia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakanNya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksaNya, dan sesungguhnya Ia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.* (al-An‘ām 6:165)

Pluralisasi bagi perkataan *khalā’if* mengimplikasikan tanggungjawab kolektif merentas komuniti dan generasi, sementara perkataan *liyabluwakum* menggambarkan gelaran khalifah adalah merupakan suatu pertanggungjawaban yang menjadi ujian, bukan trofi untuk dibanggakan (al-Ṭabarī, 1988; Ibn Kathīr, 1999). Kehidupan dunia adalah urusan kekhalifahan dan medan ujian, sementara akhirat adalah urusan perhitungan dan balasan (Qutb, 2004b).

Dari sudut retorik, ayat ini menyandarkan kekuasaan yang dimiliki oleh manusia dengan *hisāb* (akauntabiliti), mendorong kerangka tadbir yang telus misalnya audit syariah terhadap guna tanah, penilaian impak alam sekitar yang beretika, dan indikator kemakmuran yang tidak mengorbankan keseimbangan alam sekitar (al-Qurṭubī, 2006; al-Rāzī, 1999). Ayat ini menegaskan bahawa manusia sebagai *khalā’if al-arḍ* diuji atas apa yang dikurniakan. Ini menegaskan bahawa eksploitasi sumber yang melampaui batas bukan sahaja melanggar prinsip etika tetapi juga menggugah keseimbangan kosmik yang ditetapkan Allah. Dapatan ini mengukuhkan andaian bahawa etika ekologi Islam berasaskan hubungan timbal balik antara kuasa, amanah, dan pertanggungjawaban akhirat.

Dari sudut estetika pula, ayat {وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ} yang bermaksud "*Dan Dia lah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan sesetengah kamu atas sesetengahnya yang lain beberapa darjat*" memberi gambaran visual proses dan pergerakan individu-individu khalifah ini menjalankan tanggungjawab mereka yang mengambil masa yang panjang, anjakan peringkat demi peringkat dan semuanya adalah medan ujian yang menjadi perhitungan Allah buat hamba-hambaNya. Namun setelah itu, ayat ini dilengkapi dengan amaran Allah yang digambarkan dalam ayat yang ringkas, pantas dan tegas: {إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ} yang bermaksud "*Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksaNya*". Demikian juga jika hamba-hambaNya itu kembali bertaubat, sesungguhnya pengampunan dan rahmat kasih sayang Allah tidak bertepi dan tiada penghujungnya.

## 6. Penyelarasan orientasi akhirat dengan larangan *fasād* di bumi.


Perbincangan dalam ayat 77 Surah al-Qaṣaṣ pula mengaitkan penyelarasan orientasi akhirat dengan larangan *fasād* di bumi. Gaya bahasa *muqābalaḥ* progresif yang digunakan dalam ayat menjelaskan bahawa kemajuan material dan pemuliharaan ekologi (kemakmuran) mesti diasaskan atas tindakan islah, bukan atas kerosakan (*fasād*) (Ibn Kathīr, 1999; al-Qurṭubī, 2006). Firman Allah SWT:

﴿وَابْتَغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُسْفِدِينَ﴾

"Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalannya) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan." (al-Qaṣaṣ 28:77)

Ayat ini menggambarkan kesederhanaan manhaj Ilahi sebagai panduan kepada khalifahNya di muka bumi, iaitu menghubungkan hati pemilik harta dengan akhirat. Tidak salah untuk menikmati harta, bahkan ia adalah tanda kesyukuran atas nikmat yang Allah SWT kurniakan, malah merupakan salah satu bentuk ketaatan kerana visinya adalah akhirat. Namun, Allah SWT melarang manusia melakukan kerosakan, termasuklah larangan melakukan kezaliman, menyebarkan kebencian dan hasad dengki serta membelanjakan harta bukan kerana Allah SWT (Qutb, 2004b).

Berdasarkan dapatan kajian, jelas bahawa konsep kekhalifahan dalam al-Quran menuntut manusia melaksanakan peranan sebagai penjaga bumi yang bertanggungjawab, berhikmah dan berakauntabiliti. Melalui gabungan analisis retorik dan *taswīr fannī*, pengkaji merumuskan bahawa al-Quran tidak sahaja menggarap mesej kelestarian melalui perintah langsung, namun menyampaikannya secara berseni melalui retorik yang mendalam dan pencitraan puitis yang menerbitkan kesedaran dalam jiwa. Analisis terhadap ayat-ayat terpilih memperlihatkan bahawa al-Quran menggabungkan arahan normatif dengan strategi retorik yang kukuh serta unsur *taswīr fannī* yang berfungsi membentuk kesedaran ekologi dalam diri manusia. Secara keseluruhan, gabungan retorik dan *taswīr fannī* membentuk naratif konsisten bahawa manusia sebagai khalifah yang berkuasa sebagai penjaga *mīzān* dan pengurus kemakmuran alam, namun dalam masa yang sama setiap perbuatannya tidak lari daripada perhitungan *hisāb*. Hal ini jelas dilihat dalam rajah 3 yang memaparkan Model Mizan Qurani (MIZAN-Q) sebagai rumusan peranan sebenar khalifah dalam memastikan kelestarian alam sekitar:

**Rajah 3***Model Mizan Qurani (MIZAN-Q)*

Jelaslah bahawa kajian ini secara keseluruhannya membuktikan bahawa al-Quran menyediakan asas epistemologi dan estetika yang memadai bagi merumuskan etika pemeliharaan kelestarian alam yang relevan dan sesuai dengan cabaran alam sekitar masa kini.

**5. Kesimpulan**

Kesimpulannya, konsep kekhalifahan dalam al-Quran bukan sekadar mandat kepemimpinan spiritual, tetapi merupakan suatu kerangka etika yang menuntut pemeliharaan kelestarian alam secara menyeluruh. Dapatan ini bukan sahaja memperkukuh kefahaman terhadap naratif al-Quran mengenai peranan manusia sebagai khalifah dalam memelihara kelestarian alam, tetapi juga membuka ruang untuk merangka model kelestarian berasaskan nilai Islam yang lebih komprehensif. Justeru, kajian lanjutan dicadangkan untuk meneroka integrasi analisis retorik dengan teori ekologi moden serta menilai implikasi praktikal dalam dasar pembangunan, pendidikan dan pengurusan alam sekitar. Dengan memanfaatkan kekayaan retorik dan estetika al-Quran, masyarakat Muslim dapat memperkukuh komitmen terhadap kelestarian, seterusnya merealisasikan peranan sebagai khalifah yang autentik dan bertanggungjawab sebagaimana yang digariskan oleh al-Quran.

**Rujukan**

Al-Quran al-karim

Al-Quran Terjemahan, (tanzil.net terjemahan Basmeih) <https://tanzil.net>

Abdel Haleem, M. A. S. (2004). *The Qur'an: A New Translation*. Oxford University Press.

Abdul Halim, I., & Mat Akhir, N. S. (2016). Tafsir Ayat-Ayat al-Quran Berkenaan Penjagaan Alam Sekitar dan Analisis Isu-Isu Alam Sekitar di Malaysia: Interpretation of the Qur'anic Verses on Preservation of Environment and Analysis of Environmental Issues in Malaysia. *Afkar: Jurnal Akidah Dan Pemikiran Islam*, 18(1), 91–130. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol18no1.3>

al-Attas, S. M. N. (1990). *The Concept of Education in Islam: A Framework for an Islamic Philosophy of Education*. International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).

al-Qurtubi, A. (2006). *Al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān*. Dār al-Kutub al-Miṣriyyah.

al-Rāzī, F. al-D. (1999). *Al-tafsīr al-kabīr au Mafātīh al-ghayb*. Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī.

al-Tabari, M. J. (1988). *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl Āy al-Qur'ān*. Dār al-Fikr.

- al-Zamakhshari, J. (2009). *Al-Kashshāf ‘an Ḥaqā’iq al-Tanzīl*. Dār al-Ma‘rifah.
- As-Samarraie, F. S. (2000). *Al-Jumlah al-‘Arabiyyah wa al-Ma’na*. Dār Ibn Hazm.
- As-Suyuti, J. (2008). *Al-Itqan fi ‘Ulum al-Quran*. Resalah Publishers.
- Azahar, N.A. & Yaakob, Z. (2025). Mekanisme Malaysia Madani Terhadap Pemerkasaan Nilai Alam Sekitar. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 8(1), 54-69. <https://doi.org/10.24191/ejitu.v8i1.7040>
- Hashim, S. & Abdullah, A. (2020). Konsep Kelestarian dari Perspektif Islam Berbanding Pendekatan Moden dalam Melestarikan Negara. *IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management*, 10(1), 79-95. <https://doi.org/10.58458/ipnj.v10.01.05.0065>
- Hasibuan, A. (2021). Memahami manusia sebagai khalifah Allah. *Jurnal Ansiru PAI: Jurnal Pengembangan Profesi Guru PAI*, 5(1), 34–44. <http://dx.doi.org/10.30821/ansiru.v5i1>
- Ibn Kathir, I. (1999). *Tafsir al-Quran al-‘Azim*. Dar Taybah.
- Ilyas, R. (2016). Manusia sebagai khalifah dalam perspektif islam. *Mawaizh : Jurnal Dakwah Dan Pengembangan Sosial Kemanusiaan*, 7(1), 169-195. <https://doi.org/10.32923/maw.v7i1.610>
- Izutsu, T. (1964). *God and Man in the Qur’an: Semantics of the Qur’anic Weltanschauung*. Islamic Book Trust.
- Jaafar, M. F. & Jaludin, A. (2022) Analisis wacana persekitaran dari perspektif ekolinguistik. *Jurnal Linguistik*, 26(2), 1-9.
- Khafaji, A. J. (2018). “Maá Allah fi Kitabihi: Al-Mizan fi al-Quran al-Karim”. الروية. <<https://alroya.om/p/216451>>. Tarikh capaian: 13 Januari 2026.
- Kholil, M. (2026). Khalifah dalam melestarikan lingkungan hidup (Kajian ayat ekologis perspektif mufasir Indonesia). *GRADUASI: Jurnal Kajian Islam Interdisipliner*, 1(1), 25–37.
- Mardalena, R., Shofiah, V., & Rajab, K. (2025). Manusia dalam Prespektif Al-Qur’an. *Jurnal Pendidikan Tambusai*, 9(1), 9735–9741. <https://doi.org/10.31004/jptam.v9i1.26135>
- Mohamad Nasrin Mohamad Nasir & Malki Ahmad Nasir. (2016). *Sains Islam: Suatu Konsepsi Baharu Terhadap Hubungan Sains dan Agama*. Penerbit USIM.
- Mohd Saad, M. L. I. H, Yusoff, M. S. A., Zainon Hamzah, Z. A., & Zakaria, M. Z. (2017). Leksikal ‘sinonim’ dalam al-Quran: satu analisis fungsi dan kesan semantik. *Jurnal Linguistik*, 21(1), 36-54.
- Mohd. Farid Mohd. Shahrān. (2021). “Al-Quran dan Persoalan Tauhid Serta Kesan Sosialnya”. Al-Quran dan Peradaban. Penerbit Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Muhamad, A., Syihab, A.H., & Achour, M. (2019). Quranic messages on environmental sustainability: an expository study of its relevance. *Al-Bayan-Journal of Qur’an and Hadith Studies*, 17, 38-59. <https://doi.org.10.1163/22321969-12340069>
- Saiman, M. Z. (2024). Keseimbangan Antara Kelestarian Alam Sekitar dengan Pembangunan Negara Moden Menurut Perspektif Maqasid Al-Shariah: The Balance Between Environmental Sustainability and Modern National Development According to The Perspective of Maqasid Al-Shariah. *Jurnal Pengajian Islam*, 17(1), 69–87. <https://doi.org/10.53840/jpi.v17i1.280>
- Salwa Hasibuan, U., Utami, P. I., Novia, S., Surahman, C., & Sumarna, E. (2024). Konsep khalifah dalam QS. al-Baqarah/2:30 dan implikasinya terhadap tujuan pendidikan Islam di era Society 5.0. *Journal of Quran and Hadith Studies*, 13(2), 272–285. <https://doi.org/10.15408/quhas.v13i2.42166>
- Qutb, S. (2004a). *Al-Taṣwīr Al-Fannī Fī Al-Qur’ān*. 17th ed. Dār al-Shurūq.
- Qutb, S. (2004b). *Fi Zīlal al-Quran*. Dar al-Shorouk.
- Surtahman, A. W., & Mohamad Rohana, N. A. (2022). Etika dan Tanggungjawab Khalifah dalam Pengurusan Laut Menurut Perspektif Al-Quran: Ethics and Responsibilities of Caliphs in Sea Management According to Al-Quran’s Perspective. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(Special Issue), 235–256.
- Wahiduddin, S. S., Wan Ahmad, W. A., & Ahmad Hussein, N. E. D. I.. (2023). تطبيق منهج التصوير الفني لسيد قطب في فهم سورة يوسف واستيعابها: [The Application of Sayyid Qutb’s Artistic Imagery Theory in Understanding Sūrah Yūsuf]. *Ulum Islamiyyah*, 35(03), 25–38. <https://doi.org/10.33102/uij.vol35no03.547>
- Wahiduddin, S. S. & Wan Ahmad, W. A. (2025a). Faktor Ketokohan Sayyid Qutb Sebagai Pengasas Teori Al-Taswir Al-Fanni: Kajian Analisis Deskriptif. *Prosiding Seminar Antarabangsa Bahasa, Sastra Dan Tamadun Islam (SEBATI 2024)*. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. 260-264.
- Wahiduddin, S. S. & Wan Ahmad, W. A. (2025b). Balaghah al-Taswir al-Fanni fi ‘Ardi al-Tasmim al-Zira’i min Surah al-Kahfi. *Proceedings of the International Conference on Quran as the Foundation of Civilization*. Penerbit USIM.
- Wan Ahmad, W. A., Yusof, A., Ahmad, H., Mohd, R. A., Azmi, A. S., Zakaria, M. Z., Mad Jalil, Z. A. (2018). The Method of the Quran and Its Accoustical Miraculous in Kawniyyat Verses: An Analytical Study through the Anthithesis (al-Tibāq) in the part (Juz Amma). *Quranica International Journal of Quranic Research*. Universiti Malaya. Disember. 1(2), 125-138. <https://doi.org/10.22452/quranica.vol10no2.7>
- Yaakob, N. A., Zainon Hamzah, Z.A., Md Zain, N., & Syed Abdullah S. N. (2018). Penerapan retorik dalam penyampaian ceramah agama. *Jurnal Linguistik*, 22(02), 54-67.

## Penghargaan

Artikel ini merupakan hasil penyelidikan Geran PTJ Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia bertajuk: Kerangka Kelestarian Alam Sekitar Berinspirasi Teknik Penggambaran Berseni Dalam al-Quran. Kod geran: PPPI/PTJ/FPBU/USIM/15625. Justeru, para penyelidik mengucapkan terima kasih kepada pihak pembiaya iaitu Fakulti Pengajian Bahasa Utama dan USIM.

Dalam penterjemahan asal (al-An‘ām 6:165), بعض diterjemahkan kepada *setengah*, namun pengkaji mengubahnya kepada *sesetengah* kerana ia merupakan terjemahan yang lebih tepat. Begitu juga perkataan *Ia* diubah kepada *Dia* kerana meraikan ketepatan makna.

## Biodata

**Dr. Wan Azura Wan Ahmad** merupakan Pensyarah Kanan di USIM, berkelulusan BA (Hons) Bahasa Arab dan kesusasteraan dari Universiti al al-Bayt, Jordan, Sarjana dari UKM, dan Ph.d dari UIAM. Pengkhususan beliau bahasa Arab dan retorik al-Quran. Meminati kajian kesantunan komunikasi dalam al-Quran serta perbandingan peribahasa Melayu-Arab. Beliau telah menerbitkan pelbagai artikel jurnal dan berjaya merangkul beberapa anugerah inovasi.

**Dr. Siti Salma Binti Wahiduddin** merupakan Guru Bahasa di Universiti Sains Islam Malaysia. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam pengkhususan Bahasa Arab dan Kesusasteraan dari Universiti Al al-Bayt, Jordan dan kemudiannya melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia dan memperoleh Ijazah Kedoktoran dari Universiti Sains Islam Malaysia. Beliau turut menerbitkan beberapa artikel jurnal dan berjaya memperoleh beberapa anugerah inovasi.